

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XV)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

1. Mohon maklum status pembinaan Pasar Moden Teluk Kumbar.
  - (a) Adakah pembinaannya satu projek terbengkalai?
  - (b) Jika tidak bilakah pembinaannya akan diteruskan. Rakyat berharap ianya diteruskan memandangkan pasar basah yang sedia ada tidak sesuai digunakan dan terlalu uzur. Ianya juga adalah binaan persendirian bukan yang dibina oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. (a) Projek Pasar Moden Teluk Kumbar bukanlah sebuah projek terbengkalai. Pada ketika ini, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sedang dalam proses menjalankan reka bentuk bagi projek tersebut. Proses reka bentuk bagi projek ini agak rumit memandangkan topografi tapak yang sangat cerun.
  - (b) Pembinaan projek ini dijangka akan bermula pada tahun 2019.